

# Lebih dua juta individu sudah daftar di MySejahtera

**Kuala Lumpur:** Lebih dua juta individu sudah mendaftar dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di aplikasi MySejahtera sehingga petang kelmarin.

Data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di Facebook, semalam menunjukkan seramai 2,024,356 individu sudah mendaftar di MySejahtera setakat jam 3 petang kelmarin.

Jumlah itu diperoleh dalam tempoh 11 hari selepas pendaftaran menyertai PICK mula dibuka pada 23 Februari lalu dengan purata lebih 184,000 pendaftaran sehari.

Individu yang sudah menerima vaksin turut mencatatkan perkembangan positif apabila lebih 100,000 menerima suntikan dos pertama vaksin Pfizer-BioNTech setakat kelmarin.

Berdasarkan data JKJAV yang dikongsi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di Twitter semalam, 112,914 individu sudah menerima vaksin membabitkan 22.5 peratus daripada sasaran 500,000 petugas barisan hadapan divaksin pada fasa 1 PICK.

Jumlah itu berjaya dicapai dalam tempoh 10 hari sejak PICK bermula 24 Februari lalu, dengan purata lebih 11,000 petugas barisan hadapan divaksin sehari.

Berdasarkan kemajuan ketika ini, sasaran Fasa 1 PICK untuk memberi vaksin kepada 500,000 petugas dijangka akan dicapai seawal minggu kedua bulan depan selaras dengan jangka masa ditetapkan.

Data dikongsi Khairy yang juga Menteri Penyelaras PICK, turut menunjukkan Sarawak, negeri tertinggi mengagihkan vaksin setakat ini dengan 14,855 dos disusuli Kelantan (11,680), Kuala Lumpur (11,266) dan Pahang (10,599).

Perak pula sebanyak 9,892 vaksin, Selangor (8,899), Johor (8,802), Sabah (6,229), Kedah (5,306), Pulau Pinang (5,052), Negeri Sembilan (4,864), Terengganu (4,572), Melaka (4,312), Putrajaya (2,290), Perlis (2,223) dan Labuan (2,073).

PICK bermula pada 24 Februari lalu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama menerima vaksin COVID-19, empat hari selepas bekalan vaksin pertama negara keluaran Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia.

Malaysia kini berada pada fasa 1 PICK yang menyasar memberi vaksin kepada 500,000 petugas barisan hadapan antara hujung Februari hingga April depan.

Fasa 2 imunisasi yang bakal membabitkan vaksin Pfizer-BioNTech dan Sinovac dijadualkan bermula April hingga Ogos depan untuk kira-kira 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas dan

golongan berisiko tinggi.

Fasa 3 pula akan bermula pada Mei hingga Februari tahun depan dan disasarkan untuk sekitar 13.7 juta penduduk di Malaysia berusia 18 tahun ke atas sama ada rakyat tempatan atau warga asing.

Sementara itu, di **Kuala Terengganu**, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata meskipun ada pihak swasta berhasrat membeli vaksin COVID-19 melalui kerajaan, namun kerajaan terlebih dulu perlu memastikan sasaran 80 peratus atau 26.5 juta penduduk dalam negara menerima vaksin secara percuma dapat dicapai.

Beliau berkata, pembelian vaksin COVID-19 oleh kerajaan setakat ini hanya tertumpu kepada usaha menjayakan PICK berikutan bekalan dunia yang terhad.

"Memang kita ada melibatkan sektor swasta dalam program PICK, tetapi mereka sebagai pelaksana program pemberian vaksin secara percuma, bukan mereka (pihak swasta) yang membeli vaksin itu," katanya selepas melancarkan Akademi Robotik TD1303 x Jazro seperti dilapor BERNAMA, semalam.

Katanya, orang ramai tidak perlu kluatir menerima suntikan vaksin diluluskan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), kerana NPRA sangat teliti dalam soal kualiti dan keselamatan.